

Soalan No:20

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**TARIKH : 13.3.2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha menggantikan GPS dengan konsep holistik. Apakah tahap penerimaan guru, murid dan ibu-bapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang memantapkan pelaksanaan pelaporan prestasi dan perkembangan murid secara holistik. Langkah ini bertujuan untuk melihat perkembangan murid dalam pelbagai aspek antaranya, aspek kurikulum, kokurikulum, nilai dan sahsiah seseorang murid. Pentaksiran holistik murid ini akan dapat memberikan satu gambaran keseluruhan terhadap tahap perkembangan dan prestasi murid yang boleh dijadikan panduan kepada guru dan ibu-bapa atas usaha-usaha yang boleh diambil untuk membantu mengembangkan lagi potensi murid berkenaan.

Pada tahun 2017, KPM telah melaksanakan secara rintis Pelaporan Profil Murid di 99 buah sekolah. Pelaporan ini memperihalkan penguasaan dan perkembangan murid daripada segi pencapaian dalam

Pentaksiran/Peperiksaan Pusat, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani dan Sukan (PAJSK) yang dibahagikan kepada kurikulum dan SEGAK seperti mana komponen yang terdapat Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Setakat PBS dan pelaporan prestasi secara holistik telah dapat dilaksanakan dengan lancar dan diterima baik oleh murid, guru dan ibu bapa.

RJM28